

URD
UTM-IR
UTM-DMS
UTM-RDM
LATIHAN
EKSA
AKTIVITI

- ringkasan umum
- bengkel pendepositan bahan utm-ir : siri 2
- bengkel refresher course siri 1 : pendepositan bahan ke sistem dms
- kursus pengurusan sistem dms
- kursus pengurusan sistem repositori perpustakaan : dms, utm-ir dan rdm

SEKSYEN 5**LATIHAN****5.1 RINGKASAN UMUM**

Sepanjang tahun 2023, sejumlah empat (4) sesi latihan telah dilaksanakan melibatkan sistem repositori perpustakaan. Daripada jumlah ini, tiga (3) merupakan bengkel yang dikendalikan secara tahunan di bawah URD, manakala satu (1) kursus telah dilaksanakan di bawah lantikan Pusat Pembangunan Bakat & Kepimpinan, UTM.

**5.2 BENGKEL REFRESHER COURSE SIRI 1 :
PENDEPOSITAN BAHAN KE SISTEM DMS**

Bengkel ini telah diadakan pada 12 Februari 2023, di Makmal Pencarian Maklumat, Aras 4, PRZS. Bengkel ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh staf pelaksana sebagai fasilitator mengikut kategori bahan pendepositan.

Bengkel ini memberi fokus kepada proses kerja pengendalian bahan untuk proses pendepositan ke sistem UTM-DMS yang melibatkan aktiviti penerimaan bahan, pengurusan pendepositan, peleraian dan penjilidan bahan, serta pemulangan bahan selepas selesai proses pendepositan.

Untuk sesi petang, bengkel ini memberi tumpuan kepada sesi demonstrasi aktiviti peleraian bahan tesis bagi tujuan pengimbasan menggunakan mesin pengimbas bagi koleksi bahan yang tidak dihasilkan dalam format digital, atau isi kandungan bahan dalam format digital mengalami kerosakan data.

Sesi demonstrasi ini juga bertujuan untuk perkongsian ilmu pengetahuan tersirat (*tacit knowledge*) yang dipelopori oleh staf veteran yang bakal bersara untuk diwarisi oleh staf baharu bagi kesinambungan proses kerja yang dilaksanakan secara manual.

5.3 BENGKEL PENDEPOSITAN BAHAN UTM-IR : SIRI 2

Bengkel ini telah diadakan pada 21 Mac 2023, juga di Makmal Pencarian Maklumat, Aras 4, PRZS. Juga, bengkel ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh staf pelaksana sebagai fasilitator mengikut kategori bahan pendepositan.

Secara ringkasnya bengkel ini merupakan sesi perkongsian ilmu pengetahuan berkaitan proses kerja berkaitan pendepositan bahan ke sistem UTM-IR. Meskipun di URD terdapat tiga (3) kumpulan staf pelaksana yang mengendalikan proses kerja mengikut sistem repositori yang berbeza, namun proses kerja yang melibatkan semua sistem repositori perlu diberi tunjuk ajar bagi memastikan semua staf memahami persekitaran kerja di URD.

5.4 KURSUS PENGURUSAN SISTEM DMS

Kursus ini telah diadakan pada 29 Mei 2023, di Makmal Pencarian Maklumat, Aras 4, PRZS dengan penyertaan daripada staf SKR secara keseluruhannya. Kursus ini telah dikendalikan oleh Pustakawan URD sebagai fasilitator.

Secara ringkas, kursus ini memberi penekanan kepada beberapa isu penting yang saling berkaitan antara unit-unit yang terdapat di dalam SKR bagi membantu melancarkan proses kerja masing-masing. Antara perkara yang dikongsikan melalui kursus ini adalah :

- K.A.I Bahagian 2023
- Pendepositan bahan ke sistem UTM-DMS
 - UTM-DMS(Valet) : Modul submitter & Modul approver
 - UTM-DMS (Vital) : Peranan submitter & approver
- Dasar & polisi
- Pengurusan dokumen digital
- Latihan pengisian data

5.5 KURSUS PENGURUSAN SISTEM REPOSITORI PERPUSTAKAAN : UTM-DMS, UTM-IR DAN UTM-RDM

Kursus ini telah diadakan pada 8-9 Ogos 2023, di Makmal Pencarian Maklumat, Aras 4, PRZS dengan penyertaan daripada staf SKR secara keseluruhannya. Kursus ini telah dikendalikan oleh Pustakawan URD sebagai fasilitator, di bawah lantikan Pusat Pembangunan Bakat & Kepimpinan, UTM.

Peserta yang menyertai kursus ini terdiri daripada staf Jabatan Perpustakaan UTM (PUTM), iaitu Pembantu Pustakawan dan Pembantu Pustakawan Kanan, melibatkan semua lokasi PUTM.

Kursus ini melibatkan perkongsian ilmu pengetahuan bagi ketuga-tiga sistem repositori perpustakaan yang terdiri daripada UTM-DMS, UTM-IR dan UTM-RDM. Isi kandungan penyampaian kursus ini juga bersifat lebih umum dan tertumpu kepada aspek perkhidmatan yang perlu disebarikan kepada pengguna perpustakaan di persekitaran kerja masing-masing.

Kursus selama dua (2) hari ini mempunyai pengisian modul seperti berikut :

- Pengenalan kepada sistem pengurusan repositori perpustakaan
- UTM Document Management System (UTM-DMS)
- UTM Institutional Repository (UTM-IR)
- UTM Research Data Management (UTM-RDM)
- Kuiz – Latihan kepada pemahaman sistem repositori mengikut modul



Kursus Pengurusan Sistem Repositori Perpustakaan : DMS, UTM-IR dan RDM

URD
UTM-IR
UTM-DMS
UTM-RDM
LATIHAN
EKSA
AKTIVITI

- pengenalan
- aktiviti
- perancangan

SEKSYEN 6**EKSA****6.1 PENGENALAN**

Pelaporan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Zon Sinergi, Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) merupakan kesinambungan kepada pelaporan terdahulu yang mengandungi perubahan terkini dan penambahbaikan kepada perubahan sedia ada yang telah dilaksanakan mulai Jun 2022.

Bagi meneruskan agenda EKSA tahun 2023, Zon Sinergi telah melaksanakan beberapa inisiatif baharu untuk memastikan ekosistem kondusif yang menyasarkan untuk mengimbangi tekanan kerja dengan suasana bekerja yang tenang, ceria dan getaran positif di kalangan staf.

6.2 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Inisiatif membina ekosistem kondusif di URD merangkumi aktiviti keceriaan dan pengurusan ruang pejabat yang telah dilaksanakan secara berjadual namun digerakkan seiring bagi memastikan rutin kerja harian tidak terjejas.

Langkah awal untuk mengerakkan aktiviti EKSA di Zon Sinergi adalah dengan melantik Penanggungjawab Zon Sinergi bagi URD melalui surat lantikan bertariikh 18 Januari 2023 yang dikeluarkan oleh Penyelaras EKSA Zon Sinergi URD, Pn. Haslina Hussin. Pelantikan rasmi ini diharap akan membuka ruang kesedaran untuk menjayakan aktiviti EKSA di zon ini.

Dalam melaksanakan aktiviti EKSA di Zon Sinergi tanpa mengabaikan aspek keceriaan staf, pelaksanaan aktiviti ini digerakkan secara berperingkat dan sebarang keputusan pelaksanaan dibuat secara bersama melalui perkongsian idea serta pandangan kolektif.

Namun, atas faktor kepadatan jadual latihan dalaman serta keutamaan kepada kerja hakiki, aktiviti EKSA hanya dapat dimulakan pada suku ke-2 iaitu bermula pada Mei 2023.

25 Mei 2023

Aktiviti gotong-royong mengurus susun atur ruang berikutan mesin pengimbas Book2Net mengalami kerosakan teknikal yang tidak dapat dibaiki dan telah diserahkan ke Seksyen Automasi bagi tujuan pelupusan.

Ruang ini telah dimanfaatkan dengan menyusun semula ruang perbincangan staf dan menghasilkan satu sudut santai yang menempatkan makanan dan minuman ringan untuk kudapan staf, serta telah mewujudkan ruang pejabat yang lebih selesa.

16 Jun 2023

Aktiviti gotong-royong ke-2 telah dilaksanakan melibatkan aktiviti penambahbaikan papan putih yang berfungsi sebagai papan kenyataan kepada maklumat kehadiran staf dan maklumat lain. Perubahan ini telah melibatkan pengubahsuaian secara menyeluruh untuk menghasilkan satu sudut maklumat yang lebih ringkas, kemas dan tersusun. Aktiviti pembersihan papan putih merupakan langkah awal untuk menghasilkan paparan baharu yang lebih ringkas dan kemas. Rangka awal pembahagian dan pengukuran ruang pada papan putih ini juga telah dilaksanakan untuk membentuk garisan pembahagi menggunakan pita pelekat yang bersesuaian.

Laci kabinet yang disediakan untuk menyimpan alatulis dan keperluan pejabat yang lain turut dikemaskini penyusunan dan pengasingan barang mengikut kategori.

Beberapa lokasi telah dikenalpasti untuk diubahsuai sebagai sudut keceriaan dan sudut ilmu yang terdiri daripada :

- Tiang yang terdapat di ruang pejabat URD.
- Ruang dinding berbentuk 'L'.

22 Jun 2023

Kesinambungan aktiviti EKSA pada 16 Jun 2023 diteruskan dengan usaha untuk menghasilkan cetakan label, proses laminasi dan pemotongan label untuk Carta Pergerakan Staf dan laci kabinet. Selaras dengan warna tema ungu muda, penggunaan warna ini telah diserapkan kepada penyediaan label.

Hasil kerjasama daripada semua staf URD, aktiviti pelabelan laci cabinet dan Papan Pergerakan Staf ini telah berjaya disiapkan dan ditempatkan pada posisi asal.

Seterusnya, serentak dengan itu juga, sudut keceriaan pada dinding berbentuk 'L' yang menjadi ruang asal penempatan mesin pengimbas yang telah dilupuskan telah diubahsuai untuk menghidupkan suasana ceria di tempat kerja. Kerja-kerja awal yang melibatkan pembersihan kotoran pelekak pada dinding juga telah dilaksanakan sebelum aktiviti hiasan dilaksanakan pada frasa yang seterusnya.

Untuk menghasilkan hiasan dinding, tema hiasan yang berlatarkan idea berikut telah dikenalpasti :

- Tema kontemporari moden
- Tumbuhan kaktus sebagai tema hiasan dinding

Persiapan awal untuk aktiviti menghias sudut keceriaan ini dimulakan dengan mengitar semula bangku besi lama dengan semburan cat untuk menghasilkan impak yang seragam dengan warna tema Zon Sinergi

Di samping itu juga, satu-satunya tiang yang terdapat di ruang pejabat URD juga telah dikenalpasti untuk diubahsuai penampilan dan kegunaannya sebagai ruang maklumat yang lebih kreatif dengan menampilkan informasi berkaitan peranan dan jawatankuasa EKSA.

20 Julai 2023

Menyedia Label Nama Unit - Aktiviti menyediakan label nama Unit pada dinding bertentangan dengan pintu masuk ke URD. Penyediaan ini melibatkan penggunaan bahan terpakai daripada kotak kertas corrugated box bersama kertas warna mengikut tema Zon Sinergi, iaitu light purple.

27 Julai 2023

Kemaskini Ruang Santai - Sambungan kepada aktiviti yang telah dilaksanakan pada 20 Julai 2023 dengan memberi fokus kepada kemaskini ruang santai yang baharu yang dahulunya merupakan ruang mesin pengimbas Book2Net yang telah dilupuskan. Rangkuman ruang santai ini juga telah diperluaskan hingga ke tiang yang terdapat di ruang pejabat URD.

17 Ogos 2023

Perbincangan EKSA Bersama Staf URD - Satu sesi perbincangan telah diadakan bagi merancang rekabentuk dan susun atur ruang pejabat bagi memastikan kekemasan di peringkat akhir dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan kos yang terlibat dengan usaha menambahbaik ruang berkenaan.

17 Sept. 2023

Kemaskini Ruang Santai - Aktiviti EKSA terakhir bagi tahun 2023 adalah melibatkan mengemaskini laci cabinet dan pelabelan semula laci mengikut jenis bahan yang disimpan. Ruang santai juga telah dikemaskini bagi lokasi kedua melibatkan ruang bertentang pintu masuk di mana sudut refresher telah disediakan untuk staf mendapatkan rehat santai di dalam ruang pejabat. Makan ringan dan kemudahan minuman panas juga turut disediakan.



Aktiviti mengemas dan mengumpul peralatan mesin pengimbas dan komputer untuk diserahkan kepada Seksyen Automasi bagi tujuan pelupusan. Penyerahan telah dilaksanakan pada 25 Mei 2023.

Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada aktiviti awal ke arah pelaksanaan EKSA di Zon Sinergi yang melibatkan kerja-kerja menyisih peralatan yang tiada keperluan dan telah tidak berfungsi untuk dikeluarkan daripada Zon Sinergi untuk merancang ruang yang lebih kondusif.



SEBELUM : Bangku besi lusuh & berkarat



SELEPAS : Semburan cat mengikut warna tema



Aktiviti pembersihan dan penyusunan semula laci kabinet alatulis dan peralatan lain untuk diklasifikasikan mengikut jenis bahan. Aktiviti ini melibatkan penyesihan dan penyusunan bahan.



SEBELUM : Ruang kosong di bahagian atas papan kenyataan.



SELEPAS : Penyediaan blok huruf dari bahan terpakai bagi memaparkan nama Unit Repositori & Dokumen Digital.



SEBELUM : Ruang asal sudut refresher adalah ruang mengimbas dokumen yang menempatkan mesin pengimbas Book2Net.



SELEPAS : Pengubahsuaian kepada sudut refresher dan hiasan dinding bagi tujuan keceriaan ruang pejabat.



SEBELUM : Ruang santai yang belum diubahsuai.



SELEPAS : Ruang santai yang telah diubahsuai sebagai sudut refresher.



SEBELUM




SELEPAS




SELEPAS



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS

6.3 PERANCANGAN

Untuk menjayakan aktiviti EKSA yang seterusnya, aktiviti berikut telah dirangka untuk tempoh enam (6) bulan kedua 2023.

- Kerja-kerja menghias dinding berbentuk 'L' pada sudut kecerian dengan menaikkan hiasan dan melengkapkan dekorasi ruang berhampiran.
- Usaha penyusunan semula dan melengkapkan maklumat pada tiang yang dimanfaatkan secara menyeluruh untuk menyerlahkan ruang santai staf.
- Penyediaan label bagi nama unit pada dinding utama bertentangan dengan pintu masuk unit.
- Penyediaan sudut tea-break bersifat sendiri yang menyediakan minuman berpaket (sachet 3 in 1) dan makanan ringan berpaket untuk staf berehat seketika.
- Pengubahsuaian pelan lantai unit berikutan berlakunya proses pelupusan mesin pengimbas Book2Net yang secara langsung melibatkan perubahan besar kepada susunan perabot dan ruang di Zon Sinergi.

Secara keseluruhan, perancangan aktiviti EKSA bagi tahun 2023 yang dirangka telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual sebagaimana yang dilaporkan pada enam (6) bulan pertama melibatkan kerja-kerja berikut :

Kerja-kerja menghias dinding berbentuk 'L' pada sudut kecerian dengan menaikkan hiasan dan melengkapkan dekorasi ruang berhampiran.	
Usaha penyusunan semula dan melengkapkan maklumat pada tiang yang dimanfaatkan secara menyeluruh untuk menyerlahkan ruang santai staf.	
Penyediaan label bagi nama unit pada dinding utama bertentangan dengan pintu masuk unit.	
Penyediaan sudut tea-break bersifat sendiri yang menyediakan minuman berpakat (sachet 3 in 1) dan makanan ringan berpakat untuk staf berehat seketika.	
Pengubahsuaian pelan lantai unit berikutan berlakunya proses pelupusan mesin pengimbas Book2Net yang secara langsung melibatkan perubahan besar kepada susunan perabot dan ruang di Zon Sinergi.	

Sehubungan itu, untuk memastikan aktiviti EKSA ini bergerak secara aktif, jadual aktiviti ini telah ditetapkan pada hari Khamis mengikut keperluan dengan sela masa antara dua minggu sekali atau sebulan sekali untuk fasa pembangunan awal EKSA di Zon Sinergi.

URD
UTM-IR
UTM-DMS
UTM-RDM
LATIHAN
EKSA
AKTIVITI

- majlis penghargaan staf
- dekorasi raya 2023
- jom baca bersama 10 minit
- dekorasi merdeka 2023
- majlis sambutan kelahiran
- staf inspirasi

SEKSYEN 7**AKTIVITI****7.1 MAJLIS PENGHARGAAN**

Majlis Penghargaan pelajar latihan industri telah diadakan sebagai tanda penghargaan kepada pelajar yang telah menjalani latihan di Unit Repositori & Dokumen Digital, Seksyen Koleksi Khas & Repositori, Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi. Pengendalian majlis ini telah diadakan oleh pihak pengurusan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru dan Unit Repositori & Dokumen Digital secara berasingan.

Majlis anjuran pihak pengurusan PRZS telah menganjurkan telah diadakan pada 18.01.2023, Rabu bagi menghargai staf yang bersara, berpindah ke Unit/Seksyen baharu serta pelajar latihan industri yang telah mengakhiri latihan di PUTM pada 31.01.2023.

Majlis Penghargaan ke-2 kepada pelajar latihan industri di Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) pula telah diadakan pada 31 Januari 2023, iaitu hari terakhir Cik Nurul Nabila Sam Dani menjalani latihan di Perpustakaan UTM, Johor Bahru, Johor mulai September 2022.

Seluruh warga kerja URD merakamkan ucapan terima kasih dan Selamat Maju Jaya kepada beliau di atas sumbang bakti kepada proses kerja sedia ada serta peluang mengikuti latihan sebagai persediaan memulakan karier sebagai Pustakawan.



*Farewell & Appreciation
Party for Intern
Nurul Nabila Sam Dani*



31st January 2023 | Tuesday | 9.00 am @ URD



7.2 DEKORASI RAYA

Persediaan menghias ruang pejabat Unit Repositori & Dokumen Digital (URD) telah diadakan pada April 2023, iaitu dua (2) minggu menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Kerjasama daripada seluruh warga kerja unit ini merupakan sebahagian daripada aktiviti keceriaan bagi mengimbangi aktiviti harian dan santai agar staf lebih selesa dengan suasana bekerja tanpa tekanan.

Semoga semangat dan kerjasama ini dapat terus dikekalkan untuk membina ukhwah yang baik dalam bekerja di kalangan seluruh staf di URD khususnya. Tahniah semua!

Untuk tahun kedua berturut-turut, Unit Repositori & Dokumen Digital telah berjaya menjadi Juara di dalam pertandingan ini. Namun kemenangan pada tahun 2023 ini adalah lebih bermakna kerana URD menjadi Juara di peringkat PUTM.

Tahniah warga kerja URD di atas semangat kerjasama dan sokongan dari semua staf untuk menjaya dan memeriahkan suasana ceria di URD.







Sesi penjurian Pertandingan Deko Raya Antara Seksyen, Jabatan Perpustakaan UTM, anjuran Kelab Keluarga Staf PUTM telah diadakan pada 9 Mei 2023.

Panel Juri telah diketuai oleh Ketua Pustakawan dan dua (2) Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Perkhidmatan serta Bahagian Automasi & Multimedia.



7.3 JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Aktiviti Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit telah diadakan pada 18 Mei 2023 bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia. Program yang dilaksanakan secara tahunan ini disertai oleh seluruh rakyat Malaysia di bawah inisiatif organisasi masing-masing.



7.4 DEKORASI MERDEKA

Meraikan Hari Kemerdekaan pada setiap 31 Ogos merupakan tanda ingatan dan terima kasih rakyat Malaysia di atas perjuangan pejuang negara menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Penghargaan kecil yang diusahakan melalui aktiviti hiasan ruang pejabat sempena bulan kemerdekaan dan sambutan Hari Malaysia juga menjadi sebahagian aktiviti yang melambangkan semangat patriotism staf URD menghargai pejuang negara.

Persediaan awal telah diadakan pada bulan Ogos dan berterusan sehingga September, sekaligus menyambut Hari Malaysia pada 16 September 2023. Sokongan dan kerjasama staf URD dalam menjayakan aktiviti sampingan untuk mengujudkan suasana kerja yang lebih ceria, meriah dan kondusif adalah sangat dihargai.



7.5 MAJLIS SAMBUTAN KELAHIRAN STAF

Majlis Sambutan Hari Kelahiran Staf merupakan salah satu inisiatif Kesejahteraan Staf yang julung kali diadakan di URD dan telah diadakan sebanyak dua (2) sesi melibatkan bulan kelahiran Jan-Jun dan Julai-Disember.

Acara pertukaran hadiah secara undian juga telah diadakan sebagai sokongan moral untuk mengeratkan silaturrahim di kalangan warga kerja URD.

Untuk sesi pertama, majlis telah diadakan pada 25 Mei 2023 bagi meraikan kelahiran staf bagi sesi Jan-Jun. Staf yang diraikan adalah Pn. Haslina Hussin, Pn. Yanti Mohd. Shah, Pn. Widya Wahid, Pn. Nurul Shafika Hassan dan En. Zulraizam Shamsudin.

Aktiviti Kesejahteraan Staf terakhir dan penutup bagi tahun 2023 telah diadakan pada 21.12.2023 bagi meraikan hari kelahiran staf bagi sesi Julai-Disember. Staf yang diraikan adalah En. Fahmi Moksen dan Cik Nurnisa Sabrina Mohd. Muhadir.

Pada majlis yang sama, warga kerja URD turut menzahirkan tanda penghargaan kepada Pn. Narimah Nawil yang dipindahkan ke Unit Katalog, di PSZJB berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024. Melalui majlis ini, beliau turut menghargai ikatan ukhawah di kalangan staf di URD dengan menyampaikan cenderahati kepada semua staf sebagai tanda ingatan.


Usaha kecil yang membawa makna besar kepada kesejahteraan staf di URD akan terus dikekalkan sebagai usaha sebagai menghargai dan mengeratkan jalinan kerjasama dan menjiwai semangat kekeluargaan untuk motivasi kepada semua staf.



Meraikan kelahiran staf sesi Jan-Jun



Meraikan kelahiran staf sesi Julai-Disember



Penyerahan cenderahati oleh Pn. Narimah kepada staf URD

7.6 STAF INSPIRASI

Inisiatif untuk meraikan pencapaian staf di peringkat Seksyen telah dimulakan mulai tahun 2023 dengan mengiktiraf staf yang menjadi inspirasi dalam melaksanakan tanggungjawab bekerja dengan cemerlang serta menjadi tauladan yang wajar dicontohi. Melalui undian di platform *google form*, seramai lima (5) orang staf URD telah terpilih. Tahniah kepada semua yang terpilih.

- Pn. Haslina Hussin - Mei
- Pn. Widay Wahid - Ogos
- Pn. Nurul Shafika Hassan - Oktober
- En. Fahmi Moksen @ Mohd. Hussin – November
- Pn. Narimah Nawil - Disember



LAMPIRAN S2

UTM-IR
UTM-DMS
UTM-RDM

senarai jadual seksyen 2

- Jadual 2.1a : Jumlah bahan UTM-IR mengikut jenis bahan (*item type*)
- Jadual 2.1b : Jumlah kumulatif bahan UTM-IR bagi stok perpustakaan
- Jadual 2.2a : Jumlah pencapaian tahunan untuk tempoh lima (5) tahun
- Jadual 2.2b : Jumlah pencapaian tahun 2023 mengikut jenis bahan (*item type*)
- Jadual 2.3 : Jumlah pencapaian download dan pageviews untuk tempoh lima (5) tahun
- Jadual 2.4 : Perbandingan Kedudukan Sistem UTM-IR Berdasarkan *Transparent Ranking: Institutional Repositories by Google Scholar*

Jadual 2.1a : Jumlah bahan UTM-IR mengikut jenis bahan (*item type*)

BIL.	JENIS BAHAN (ITEM TYPE)	KUMULATIF 2023	
		JUMLAH	PERATUS
1	Thesis	19,720	26.7
2	Article journal	36,540	49.5
3	Conference paper	12,510	16.9
4	Book	631	0.9
5	Book section	2,929	4.0
6	Monograf	776	1.1
7	Patent	1	0.001
8	Image	16	0.022
9	Video	2	0.003
10	Audio	1	0.001
11	Dataset	1	0.001
12	Teaching resource	671	0.909
13	Other	15	0.020
JUMLAH KESELURUHAN		73,813	100.00

Jadual 2.1b : Jumlah kumulatif bahan UTM-IR bagi stok perpustakaan

TAHUN	JUMLAH	PERATUS	CATATAN
2017	39,666	NA	NA
2018	48,950	23.4%	Peningkatan
2019	55,006	12.4%	Peningkatan
2020	59,906	8.9%	Peningkatan
2021	64,771	8.1%	Peningkatan
2022	69,575	7.4%	Peningkatan
2023	74,383	6.9%	Peningkatan

Jadual 2.1c : Jumlah kumulatif agihan dan pendepositan bahan

JENIS BAHAN	JUMLAH AGIHAN	BAHAN BERMASALAH	JUMLAH YANG DIDEPOSIT
Artikel	2,488	340	2,148
Kertas persidangan	952	238	714
Bab dalam buku	201	0	201
Tesis	2,254	509	1,745
JUMLAH KESELURUHAN	5,895	1,087	4,808

Jadual 2.3 : Jumlah pencapaian download dan pageviews untuk tempoh lima (5) tahun

TAHUN	DOWNLOAD			PAGEVIEWS		
	JUMLAH	PERATUS	CATATAN	JUMLAH	PERATUS	CATATAN
2019	1,399,750	3.3%	Peningkatan	640,261	51.7%	Peningkatan
2020	2,510,291	79.3%	Peningkatan	1,054,275	64.7%	Peningkatan
2021	2,090,553	16.7%	Penurunan	861,925	18.2%	Penurunan
2022	1,870,375	10.5%	Penurunan	1,086,154	26.0%	Peningkatan
2023	1,187,489	36.5%	Penurunan	496,596	54.3%	Penurunan

Jadual 2.4 : Perbandingan Kedudukan Sistem UTM-IR Berdasarkan *Transparent Ranking: Institutional Repositories by Google Scholar*

NO.	INSTITUTIONAL REPOSITORY	14TH EDITION (JUNE 2022)			15TH EDITION (FEBRUARY 2023)			16TH EDITION (MARCH 2024)			WORLD RANK COMPARISON 15th vs 16th / POINTS	
		ITEMS IN GOOGLE SCHOLAR	RANK		ITEMS IN GOOGLE SCHOLAR	RANK		ITEMS IN GOOGLE SCHOLAR	RANK			
			NATIONAL	WORLD		NATIONAL	WORLD		NATIONAL	WORLD		
1	Universiti Teknologi MARA Institutional Repository	39,900	1	83	49,500	1	56	66,800	1	40	Higher	16
2	Universiti Putra Malaysia Institutional Repository	22,100	2	221	13,900	2	386	14,300	2	427	Lower	-41
3	Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository	14,800	3	343	11,100	3	472	560	18	2,742	Lower	-2,270
4	University Utara Malaysia Irepository	11,800	4	436	11,000	4	476	11,700	3	525	Lower	-49
5	University of Malaya Students' Repository	10,500	5	481	11,000	5	476	10,800	4	569	Lower	-93
6	Universiti Utara Malaysia E Theses	7,070	6	699	3,550	10	1,211	4,090	8	1,225	Lower	-14
7	Universiti Kebangsaan Malaysia Journal Article Repository	5,670	7	831	5,280	6	911	6,360	5	911	Retain	0
8	Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository	4,800	8	949	0	25	3,922	0	23	3,994	Lower	-72
9	Universiti Malaysia Pahang Institutional Repository	4,770	9	953	2,990	11	1,311	2,930	10	1,464	Lower	-153
10	Universiti Sains Malaysia Institutional Repository	4,420	10	1,008	3,820	8	1,147	4,150	7	1,208	Lower	-61
11	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Institutional Repository	3,120	11	1,255	1,166	17	3,730	NA	NA	NA	NA	NA
12	Universiti Kuala Lumpur Institutional Repository	2,340	12	1,444	2,350	13	1490	2,430	11	1,613	Lower	-123
13	International Islamic University Malaysia Repository	2,040	13	1,538	1,790	14	1,693	1,910	12	1,800	Lower	-107
14	University of Malaya Research Repository	3,580	14	1,157	3,640	9	1,192	3,730	9	1,282	Lower	-90
15	National Library of Malaysia Digital Repository	1,670	15	1,700	0	24	3,922	0	22	3,994	Lower	-72
16	Universiti Malaysia Sarawak Institutional Repository	1,520	16	1,774	1,240	15	1,956	1,090	14	2,228	Lower	-272
17	Universiti Malaysia Perlis Library Digital Repository	1,090	17	2,024	1,190	16	1,983	1,300	13	2,095	Lower	-112
18	Universiti Teknikal Malaysia Melaka Repository	757	18	2,307	523	21	2,621	511	19	2,807	Lower	-186
19	Universiti Malaysia Sabah Institutional Repository	595	19	2,482	672	18	2,422	687	17	2,595	Lower	-173
20	SEAFDEC Malaysia Institutional Repository	427	20	2,706	560	19	2,570	694	16	2,580	Lower	-10
21	e-IMtiyaz Islamic Science University of Malaysia Repository	358	21	2,831	548	20	2,584	827	15	2,474	Higher	110
22	University of Malaya Common Repository	132	22	3,312	159	22	3,287	179	20	3,385	Lower	-98
23	Universiti Tenaga Nasional Library Digital Repository	11	23	3,749	2,415	12	684	NA	NA	NA	NA	NA
24	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Institutional Repository	0	24	3,903	4,150	7	1,084	4,620	6	1,133	Lower	-49
25	Universiti Utara Malaysia (UUM) Institutional Repository	0	25	3,903	6	23	3,827	6	21	3,919	Lower	-92

LAMPIRAN S3

UTM-IR
UTM-DMS
UTM-RDM

senarai jadual seksyen 3

- Jadual 3.2(a) : Jumlah pencapaian kumulatif mengikut site untuk tempoh lima (5) tahun
- Jadual 3.2(b) : Jumlah pencapaian kumulatif mengikut site untuk tempoh lima (5) tahun – Data Kumulatif Stok Perpustakaan
- Jadual 3.2(c) : Jumlah kumulatif mengikut site sehingga 31 Disember 2023
- Jadual 3.3(a) : Jumlah pencapaian mengikut suku tahunan bagi tahun 2023
- Jadual 3.3(b) : Jumlah pencapaian URD mengikut suku tahunan bagi tahun 2023
- Jadual 3.4 : Jumlah pencapaian *visitor/access* dan *page view / hits* oleh pengguna

Jadual 3.2(a) : Jumlah pencapaian kumulatif mengikut site untuk tempoh lima (5) tahun – Penjanaan data dari sistem UTM-DMS

SITE	2019		2020		2021		2022		2023	
	JUMLAH PENINGKATAN	KUMULATIF	JUMLAH PENINGKATAN	KUMULATIF	JUMLAH PENINGKATAN	KUMULATIF	JUMLAH PENINGKATAN	KUMULATIF	JUMLAH PENINGKATAN	KUMULATIF
OPEN REPOSITORY	117	770	194	964	47	1,011	71	1,082	13	1,095
RESTRICTED REPOSITORY	11,324	127,579	6,284	133,863	5,011	138,874	4,585	143,459	4,434	147,893
PRESERVED REPOSITORY	58	162	13	175	6	181	11	192	10	202
ONLINE DATABASE & ILL	663	1,494	410	1,904	2,111	4,015	52	4,067	856	4,923
JUMLAH	12,162	130,005	6,901	136,906	7,175	144,081	4,719	148,800	5,313	154,113

Jadual 3.2(b) : Jumlah pencapaian kumulatif mengikut site untuk tempoh lima (5) tahun – Data Kumulatif Stok Perpustakaan

TAHUN	JUMLAH	PERATUS	CATATAN
2019	128,501	NA	Peningkatan
2020	135,664	5.6	Peningkatan
2021	142,850	5.3	Peningkatan
2022	147,528	3.3	Peningkatan
2023	151,951	3.0	Peningkatan

Jadual 3.2(c) : Jumlah kumulatif mengikut site sehingga 31 Disember 2023 – Penjanaan data dari sistem UTM-DMS

NO.	ITEM RESOURCE	OPEN REPOSITORY	RESTRICTED REPOSITORY	PRESERVED REPOSITORY	ONLINE DATABASE & ILL	TOTAL
1	Book	72	26	0	0	98
2	Book Chapter	101	164	0	0	265
3	Conference Papers	6	5,743	0	0	5,749
4	Exam Papers	0	10,903	3	0	10,906
5	Indexed Paper	19	19,697	0	0	19,716
6	Internal Electronic Report	0	1	0	0	1
7	Journal Article	3	7,229	2	0	7,234
8	News Paper Cuttings	2	6,537	0	0	6,539
9	Non-Index Paper	344	1,330	0	0	1,674
10	Online Database & ILL	0	1	0	4923	4,924
11	Other Publication	0	185	1	0	186
12	Photograph/Relia/Multimedia	530	1,217	81	0	1,828
13	Research Report	13	44	1	0	58
14	Text	0	67,591	0	0	67,591
15	Thesis	0	27,200	111	0	27,311
16	UTM Staff Profile	0	1	0	0	1
17	Unknown	5	24	3	0	32
TOTAL		1,095	147,893	202	4,923	154,113
PERCENTAGE		0.7	96.0	0.1	3.2	100.0

Jadual 3.3(a) : Jumlah pencapaian kumulatif mengikut suku tahunan bagi tahun 2023 – Penjanaan data dari sistem UTM-DMS

NO.	ITEM	1ST Q JAN-MAC	2ND Q APR-JUN	3RD Q JUL-SEPT	4TH Q OKT-DIS	ALL Q	%
1	BOOK	0	2	4	10	16	0.3
2	BOOK CHAPTER	138	0	22	0	160	3.0
3	CONFERENCE PAPER	17	611	282	0	910	17.1
4	EXAM PAPERS	0	0	0	0	0	0.0
5	ILL ARTICLE	368	4	223	261	856	16.1
6	INDEXED PAPER	0	0	0	0	0	0.0
7	JOURNAL ARTICLE	22	22	225	535	804	15.1
8	NEWS PAPER CUTTING	84	58	59	153	354	6.7
9	PHOTOGRAPH/RELIA/MULTIMEDIA	40	0	0	55	95	1.8
10	THESIS	794	352	369	603	2,118	39.9
TOTAL		1,463	1,049	1,184	1,617	5,313	100

Jadual 3.3(b) : Jumlah pencapaian URD mengikut suku tahunan bagi tahun 2023 – Penjanaan data dari sistem UTM-DMS

NO.	ITEM	1ST Q JAN-MAC	2ND Q APR-JUN	3RD Q JUL-SEPT	4TH Q OKT-DIS	ALL Q	%
1	BOOK	0	2	4	10	16	0.4
2	BOOK CHAPTER	138	0	22	0	160	3.9
3	CONFERENCE PAPER	17	611	282	0	910	22.1
4	EXAM PAPERS	0	0	0	0	0	0.0
5	ILL ARTICLE	0	0	0	0	0	0.0
6	INDEXED PAPER	0	0	0	0	0	0.0
7	JOURNAL ARTICLE	22	22	225	535	804	19.5
8	NEWS PAPER CUTTING	84	58	59	153	354	8.6
9	PHOTOGRAPH/RELIA/MULTIMEDIA	0	0	0	0	0	0.0
10	THESIS	792	232	329	524	1,877	45.5
11	UNKNOWN	0	0	0	0	0	0.0
TOTAL		1,053	925	921	1,222	4,121	100

Jadual 3.4 : Jumlah pencapaian *visitor/access* dan *page view / hits* oleh pengguna – Penjanaan data dari sistem UTM-DMS

TAHUN	VISITOR/ACCESS	PERATUS	CATATAN	PAGE VIEW/HITS	PERATUS	CATATAN
2021	1,119,231	21.6	Peningkatan	1,792,079	1.2	Penurunan
2022	993,696	11.2	Penurunan	1,555,733	13.2	Penurunan
2023	902,383	9.2	Penurunan	1,548,559	0.5	Penurunan

LAMPIRAN S4

UTM-IR
UTM-DMS
UTM-RDM

senarai jadual seksyen 4

- Jadual 4.1a : Jumlah pecahan agihan bahan tesis mengikut Fakulti
- Jadual 4.1b : Jumlah pecahan agihan rekod mengikut sumber terbuka sistem repositori
- Jadual 4.1c : Jumlah pecahan pendepositan bahan mengikut bidang penyelidikan

Jadual 4.1a : Jumlah pecahan agihan bahan tesis mengikut Fakulti

BIL.	NAMA	FAKULTI	JUMLAH AGIHAN	PERATUS
1	Haslina Hussin	Faculty of Science	82	12.6
2	Haslinda Sabari	Faculty of Engineering - School of Computing	50	7.7
3	Haslina Othman	Azman Hashim International Business School	27	4.1
4	Mohammad Fikri Yusof	Faculty of Geoinformation and Real Estate	50	7.7
5	Muhammad Azmi Khalib	Faculty of Engineering - School of Civil Engineering	50	7.7
6	Nas Rashidah Mohd. Muztaza	Faculty of Management	50	7.7
7	Noor Effendy Hamzah	Faculty of Built Environment & Surveying	50	7.7
8	Nor Aishah P. Mosar*	Faculty of Biosciences and Medical Engineering	50	7.7
9	Norshaliza Mohd. Basarudin	Faculty of Engineering - School of Mechanical Engineering	50	7.7
10	Norsyuhada Shafie	Faculty of Engineering - School of Chemical & Energy Engineering	50	7.7
11	Nurull Huda Wahid	Faculty of Biosciences and Medical Engineering	42	6.5
12	Siti Marlia Abd. Rahim	Azman Hashim International Business School	50	7.7
13	Siti Nazurah Nordin	Faculty of Education	50	7.7
JUMLAH			651	NA

Jadual 4.1b : Jumlah pecahan agihan rekod mengikut sumber terbuka sistem repositori

NO.	NAMA	REPOSITORI	JUMLAH
1	Nor Aishah P. Mosar	Zenodo	5
2	Nor Aishah P. Mosar	Figsahre	3
3	Nor Aishah P. Mosar	Mendeley Data	116
4	Nor Aishah P. Mosar	Harvard Dataverse	2
5	Nor Aishah P. Mosar	IEE Dataport	3
JUMLAH			129

Jadual 4.1c : Jumlah pecahan pendepositan bahan mengikut bidang penyelidikan

BIL.	BIDANG PENYELIDIKAN	JUMLAH	PERATUS
1	Physics, Engineering and Material Science	264	30.4
2	Biological, chemical and mathematical sciences	256	29.5
3	Climate, Environment and Biodiversity	70	8.1
4	Computer Science, Information Technology and Telecommunications	56	6.5
5	Business, Management, Finance and Economics	54	6.2
6	Medical and Health Sciences	54	6.2
7	Arts and Social Sciences	44	5.1
8	Language and Education	34	3.9
9	Energy	25	2.9
10	Agricultural, veterinary and food sciences	11	1.3
JUMLAH KESELURUHAN		868	100.0

UNIT REPOSITORI & DOKUMEN DIGITAL



MEMBINA ILMU PENGETAHUAN DIGITAL INSTITUSI